Jumaat **5 Januari 2018**

MALAYSIA

MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
AHLI DEWAN NEGARA

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH

PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT KETIGA

Jumaat, 5 Januari 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

LANTIKAN BAHARU

1. Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selamat tahun baru 2018 dan salam negaraku Malaysia.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pemilihan Yang Berhormat Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin dari negeri Sabah sebagai Ahli Dewan Negara... *[Tepuk]*

Pemilihan tersebut adalah selaras dengan perkara 45(1)(a) Perlembagaan Persekutuan, dan adalah untuk mengisi kekosongan yang berbangkit daripada tamatnya tempoh perkhidmatan Yang Berbahagia Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya sebagai Ahli Dewan Negara pada 21 Disember 2017.

Pemilihan Ahli Yang Berhormat merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan Negeri Sabah terhadap kesanggupan Yang Berhormat untuk berkhidmat dengan cemerlang demi masyarakat dan negara yang tercinta. Pemilihan tersebut memberi peluang kepada Yang Berhormat untuk menabur khidmat bakti dan sumbangan kepada bangsa dan negara di peringkat Persekutuan.

Ahli Yang Berhormat diharap akan menyumbang ke arah mempertingkatkan mutu perdebatan di Dewan yang mulia ini.

Saya yakin Yang Berhormat akan mematuhi ikrar taat setia Perlembagaan Negara, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat serta prinsip-prinsip universal dalam piagam Rukun Negara yang menekankan antara lain keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta keperibadian mulia yang menjiwai amalan demokrasi berparlimen.

Seperti mana yang kita semua sedia maklum, demokrasi merupakan konsep yang indah dan perlu dibina atas sifat keperibadian yang tinggi disertai dengan pemikiran yang terbuka serta rasional. Sifat yang mulia dan luhur harus dijadikan contoh teladan yang terpuji bukan saja dalam kalangan Ahli-ahli Parlimen bahkan juga dalam kalangan khalayak ramai terutamanya generasi muda.

Tidak kurang pentingnya, saya percaya pematuhan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada lunas-lunas keperibadian yang mulia dan berketerampilan, akan membantu memperkasakan imej Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Akhir sekali, saya mendoakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa mendukung visi rakyat ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan.

Dengan kata-kata itu, maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.07 pagi]